

09 DEC 1996

Mahathir-Kelantan

PILIHAN RAYA KECIL TAK SEMESTINYA TUNJUKKAN KEKUATAN PAS, UMNO

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed berkata hari ini pilihan raya kecil yang akan diadakan bagi kawasan Pulai Chondong di Kelantan tidak semestinya akan menunjukkan kekuatan sebenar Umno dan Pas.

"Tak juga, kita selalu nak buat interpretasi tertentu berkenaan dengan sesuatu...kalau ia berlaku itu adalah keadaan setempat, kita belum tahu," kata beliau kepada pemberita di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sekembalinya dari lawatan rasmi ke Belanda dan Arab Saudi.

Dr Mahathir ditanya sama ada keputusan pilihan raya kecil itu nanti akan menunjukkan kekuatan sebenar Pas dan Umno ekoran pembubaran Parti Melayu Semangat 46 dan tindakan pemimpin dan anggotanya menyertai Umno semula.

Menurutnya, Umno dan Pas serta S46 dahulu mempunyai kubu kuat masing-masing di Kelantan.

Pilihan raya kecil bagi kawasan Pulai Chondong akan diadakan berikutan kematian wakil rakyat kawasan berkenaan Kapten (B) Mohamad Noor Ahmad, yang juga anggota Exco kerajaan negeri itu dari bekas S46 yang telah menyertai Umno.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang bermesyuarat hari ini, menetapkan 26 Dis sebagai tarikh penamaan calon untuk pilihan raya kecil itu dan jika ada pertandingan, pengundian akan diadakan pada 6 Jan.

Dr Mahathir juga mengesahkan bahawa perletakan jawatan tiga anggota Exco kerajaan negeri dari Umno dalam pentadbiran kerajaan negeri Kelantan sememangnya sebagai mematuhi arahan parti.

Tiga anggota Exco itu termasuk Timbalan Menteri Besar Datuk Rozali Isohak merupakan bekas anggota S46, yang bersekutu dengan Pas dalam dua pilihan raya umum lepas.

Ditanya sama ada perletakan jawatan mereka, yang berkuatkuasa hari ini, akan membuka jalan kepada pembentukan kerajaan campuran Barisan Nasional (BN) dan Pas di Kelantan, Dr Mahathir berkata perkara itu bukan mudah.

"Kita kena tahu apa syarat-syaratnya kerana kerajaan campuran ini bukan semudah yang difikir," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Sambil memberikan analogi sebuah perkahwinan, Dr Mahathir berkata sebelum ia dapat diadakan, perlu ada persefahaman.

"Janganlah 'marriage of convenience', masa ada masalah sahaja baru nak kahwin," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mungkin melawat Kelantan dan sedang mencari masa yang sesuai. -- BERNAMA

AZZ NMO